

14 AUG 1998

Mahathir-BN

MAHATHIR MINTA BN SABAH ERATKAN KERJASAMA

KOTA KINABALU, 14 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah supaya mengeratkan kerjasama dan melupakan kepentingan lain bagi memastikan kemenangan BN pada pilihan raya negeri itu akan datang.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, berkata Parti Demokratik Sabah (PDS) yang dipimpin oleh Ketua Menteri Sabah Tan Sri Bernard Dompok, kini mempunyai tanggungjawab penting untuk memastikan kejayaan BN pada pilihan raya itu.

"Jayakan BN kerana kejayaan BN adalah kejayaan parti kita dan kejayaan parti kita adalah kejayaan kaum kita dan diri kita.

"Saya percaya bahawa PDS akan terus berjuang atas prinsip-prinsip BN untuk menjayakan BN di Sabah terutamanya dalam pilihan raya yang akan datang," kata beliau dengan tepukan gemuruh anggota perwakilan, ketika merasmikan kongres keempat PDS di sini.

Dr Mahathir berkata parti-parti komponen BN di Sabah harus mementingkan perjuangan BN daripada mementingkan diri sendiri atau parti mereka.

Dr Mahathir mengingatkan parti-parti komponen BN di Sabah supaya jangan menjadikan perjuangan mereka hanya untuk mengejar atau mendapatkan jawatan dalam kerajaan atau parti.

"Perjuangan kita ialah untuk membantu rakyat. Kita berada dalam parti kerana perjuangan yang mulia. BN wujud kerana kita ada cita-cita besar untuk menjadikan negara kita maju pada tahun 2020," kata beliau.

Dr Mahathir berkata BN boleh menang dalam mana-mana pilihan raya jika parti-parti komponen bersatu.

Kata beliau, anggota-anggota parti komponen BN tidak harus menggunakan emosi dengan tidak menyokong calon BN yang mereka tidak suka.

"Apa yang penting bukan sentimen tetapi perhitungan atau kiraan kita sama ada calon BN akan menang berdasarkan kepada bilangan pengundi dan pecahan mereka mengikut kaum.

"Kalau kita berpegang kepada emosi, kita akan kalah," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata pemimpin-pemimpin parti politik yang dilantik menjadi menteri harus bekerja demi kepentingan dan manfaat rakyat yang memilih mereka dan BN.

"Kita tak jadi menteri kerana kita daripada keturunan menteri atau untuk memandu kereta Mercedes Benz atau bermegah. Kita mesti kerja supaya dapat memulangkan kepada rakyat kepercayaan mereka terhadap kita," kata beliau.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa kesalnya kerana Sabah masih tidak dapat bersaing dengan negeri-negeri lain daripada segi pembangunan ekonomi.

Ini, kata beliau, kerana sikap kerajaan negeri sebelum ini yang dikuasai oleh parti pembangkang yang hanya mengutamakan perbalahan pendapatnya dengan kerajaan pusat. EGAL COMMAND

"Yang nak dipenuhi ialah kemarahan kepada kerajaan pusat. Dengan itu, rakyat Sabah menderita," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ketika melawat Sabah ketika BN kembali berkuasa selepas pilihan raya negeri yang lepas pada 1994, beliau mendapati bekalan air kepada penduduk tidak mencukupi manakala jalan raya tidak mempunyai lampu.

"Keadaan ini tidak langsung mencerminkan Malaysia," kata beliau.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa kerajaan BN akan berusaha untuk "membesarkan kek" ekonomi negara supaya bahagian besar "kek" itu dapat

disalurkan kepada rakyat yang tidak berada.

Beliau berkata kerajaan juga akan menjaga kepentingan golongan yang berada dan para peniaga kerana cukai yang dikutip dari mereka akan dapat digunakan untuk membangunkan negara serta menjalankan aktiviti sosial.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat.

Selepas merasmikan kongres PDS, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, mengadakan mesyuarat tertutup selama setengah jam dengan pemimpin-pemimpin Umno negeri.

-- BERNAMA

ES KG NMO